

# Drama di Istana Negara

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOJ

Beberapa kenderaan pemimpin Perikatan Nasional dilihat memasuki pekarangan Istana Negara semalam

Oleh SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

KUALA LUMPUR

Bberapa buah kenderaan golongan kenamaan (VIP) jenis Proton Perdana dan Toyota Alphard dilihat memasuki pekarangan Istana Negara di sini semalam.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong dilihat tiba di Istana Negara dengan sebuah helikopter pada kira-kira jam 5.30 petang semalam dari Kota Permai, Shah Alam selepas menghadiri kejohanan golf di sana.

Petugas media berkumpul di Istana Negara bagi menunggu ketibaan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dikatakan akan menemui Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ia susulan beberapa mesej yang tular di WhatsApp tengah hari semalam: "Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg; Ketua Men-



Petugas media menunggu di pekarangan Istana Negara semalam.

teri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Dr Mahathir; Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sudah ke Istana untuk menghadap Al-Sultan Abdullah

bagi menubuhkan kerajaan baharu."

Sementara itu, *Sinar Harian* turut menghubungi Unit Komunikasi Korporat Istana Negara tetapi dimaklumkan perkara itu di luar bidang kuasa mereka.

"Sebarang urusan menghadap Yang di-Pertuan Agong adalah di bawah bidang kuasa Setiausaha Sulit Kanan baginda, Kol (B) Datuk Nazim Mohd Alim," katanya.